

22 AUG 1996

DR MAHATHIR SETUJU SENARAI CALON BN SARAWAK

KUCHING, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memersetujui senarai calon-calon Barisan Nasional Sarawak yang bakal bertanding pada pilihan raya negeri pada 7 dan 8 Sept ini.

Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud selaku pengerusi BN Sarawak hari ini berkata sekembalinya dari Kuala Lumpur selepas menemui Dr Mahathir bahawa: "Semuanya tidak ada masalah."

Pagi tadi, Abdul Taib menemui Perdana Menteri di pejabatnya selama satu jam untuk menyerahkan senarai nama calon-calon BN bagi pilihan raya itu. Penamaan calon ialah pada 27 Ogos ini.

Taib juga berkata Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan bertukar kawasan dengan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), iaitu PBB akan bertanding di Kedup dan PBDS di Belaga.

Calon-calon bagi kedua-dua kawasan akan terdiri daripada penduduk tempatan kawasan itu sendiri, katanya.

Beliau mengesahkan juga bahawa pembahagian enam kerusi yang baru diwujudkan dibahagikan mengikut nisbah 3:1:1:1 iaitu PBB mengambil tiga kawasan dan PBDS, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) masing-masing mengambil satu kawasan.

PBB telah diperuntukkan Samariang, Nangka dan Jepas, PBDS (Kedup), Supp (Senadin) dan SNAP (Ba'Kelalan). -- BERNAMA

AHM MAI